



Rujukan Kami : PERJASA(262/86).2021()
Tarikh : 7 Mac 2021

Semua Ahli
Persatuan Juruanalisa Sistem Sektor Awam (PERJASA)

YBhg. Dato'/ Datin/ YBrs. Dr/ Tuan/ Puan,

NOTIS MESYUARAT AGUNG PERJASA KE-25

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacitanya AJK Persatuan ingin menjemput YBhg. Dato'/Datin/YBrs. Dr/Tuan/Puan untuk menghadiri **Mesyuarat Agung PERJASA Ke-25** seperti ketetapan berikut:

Tarikh : 7 April 2021
Masa : 2.30 – 5.30 petang
Tempat : secara atas talian melalui *platform airmeet*

3. Untuk makluman, **Sesi Technology Update** yang bertemakan **Pendigitalan di Norma Baharu** akan diadakan bermula 5 April 2021 sehingga berlangsungnya sesi Mesyuarat Agung **iaitu pada 7 April 2021**. Semakan dan pengemaskinian maklumat keahlian boleh dibuat di <https://ahli.perjasa.org.my>. Pembayaran yuran keahlian boleh dilakukan ke atas nombor akaun PERJASA (CIMB-8600304469). Dimohon untuk mengemaskini rekod pembayaran tersebut di Sistem Ahli PERJASA di bahagian "Payments".

4. Kerjasama YBhg. Dato'/Datin/YBrs. Dr/Tuan/Puan adalah dimohon untuk mengesahkan penyertaan program Fiesta PERJASA 2021 di pautan <http://bit.ly/DaftarAGMPERJASA25> dan mencalonkan AJK PERJASA Sesi 2022/2023 serta menyatakan usul melalui pautan <https://tinyurl.com/MesyAgungPERJASA25> selewat-lewatnya pada 31 Mac 2021 jam 6 petang.

5. Bersama-sama ini disertakan agenda Fiesta PERJASA 2021 untuk rujukan jua. Kerjasama dan sokongan YBhg. Dato'/Datin/YBrs. Dr/Tuan/Puan adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.
"PEMBENTUKAN MINDA PTM KELAS PERTAMA"

(SUHAILI BINTI ABDULLAH)
Setiausaha
PERJASA
Sesi 2020-2021